

Kandungan Vaksin (*Vaccine Ingredients*): Satu Analisa Menurut Perspektif Islam

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 061-070
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[*Vaccine Ingredients: An Analysis Based on Islamic Perspectives*]

Ahmad Hisham Azizan¹

Abstrak

Artikel ini merupakan kajian ke atas kandungan vaksin yang menjadi imunisasi kepada tubuh badan manusia daripada dijangkiti penyakit-penyakit berbahaya. Objektiviti artikel ini adalah untuk menganalisa isi kandungan vaksin dengan melihat keselariannya dengan konsep dan prinsip halal yang telah ditetapkan oleh syarak sebagaimana yang dibincangkan dalam Islam di mana dikatakan bahawa vaksin mengandungi substansi berbahaya yang sekaligus bertentangan dengan kaedah-kaedah Islam yang menolak sesuatu yang memudaratkan diri. Selain itu, pemilihan dan pemakaian vaksin-vaksin ini juga turut diteliti bagi meninjau senario perkembangan pemberian vaksin di Malaysia yang pada akhir-akhir ini dikatakan semakin berkurangan kerana keengganan ibu bapa akibat khuatir dengan kandungan yang terdapat di dalam vaksin tersebut. Analisa terhadap vaksin ini juga diperluaskan skopnya dengan merujuk kajian-kajian teks yang dilakukan oleh para doktor dan ahli akademik di seluruh dunia dan hasilnya terdapat penerimaan dan percanggahan tentang adakah vaksin ini selamat dalam menangani permasalahan penyakit dengan tidak mengabaikan prinsip-prinsip asas yang menunjangi amalan halal tersebut.

Kata Kunci

Vaksin, Halal, Imunisasi, Penyakit, Kandungan Vaksin

Abstract

This article is a vaccine material analysis that immunizes the human body from being contaminated with dangerous diseases. The purpose of this article is to examine the contents of the vaccine by looking at its conformity with the halal concepts and principles prescribed by Islam, as stated in Islam, where it is claimed that the vaccine contains harmful substances which are contrary to Islamic rules and which reject anything harmful. In addition, the collection and use of these vaccines have also been explored to examine the developmental vaccination scenario in Malaysia, which has recently declined due to parents' unwillingness to think about the vaccine material. Vaccine research is often broadened by comparison to text studies performed by doctors and researchers around the world and, as a result, there are consensus and disagreement as to whether the vaccine is safe to handle the disease without violating the fundamental concepts underlying halal practices.

Keywords

Vaccines, Halal, Immunization, Diseases, Vaccine Contents

¹Universiti Teknologi Mara, Sarawak, Malaysia.

Corresponding Author:

Ahmad Hisham Azizan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Sarawak, Malaysia.
E-mail: ahmadhisham@sarawak.uitm.edu.my

Cite This Article:

Ahmad Hisham Azizan. 2018. Kandungan vaksin (vaccine ingredients): Satu analisa menurut perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 61-70.

Pengenalan

Perluakah vaksin diberikan kepada kanak-kanak? Bagi kebanyakan ibu bapa, ia seolah-olah merupakan persoalan yang paling popular untuk dekad ini (Sears 2007: 11). Dahulu, persoalan seperti “bagaimana saya hendak menidurkan bayi saya sepanjang malam?” atau “bagaimana saya hendak memujuk bayi saya supaya makan dengan baik?” merupakan persoalan yang sentiasa menghantui pemikiran ibu bapa tetapi sekarang hampir kesemua ibu bapa mempunyai sedikit perasaan bimbang mengenai vaksin. Pada masa dahulu, kebanyakan ibu bapa hanya mengikut sahaja nasihat doktor dan secara automatik, anak mereka mendapat suntikan vaksin. Tetapi sekarang, situasinya berbeza di mana hampir kesemua ibu bapa telah mendengar bahawa mungkin ada beberapa kesan sampingan atau masalah-masalah lain yang berkaitan dengan vaksin dan mereka mula keliru sama ada vaksin ini selamat disuntik kepada anak-anak mereka. Pada masa kini, vaksinasi bukanlah satu-satunya keputusan yang perlu diambil oleh ibu bapa. Banyak pilihan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka mengenai vaksin ini. Sebahagian ibu bapa memilih vaksin sepenuhnya, sebahagian yang lain memilih hanya vaksin tertentu sahaja dan ada di kalangan ibu bapa memilih untuk tidak memberikan vaksin kepada anak mereka (Herlihy & Hagood 2012). Adakah kita berani untuk bebas memilih sama ada anak kita perlu divaksin atau tidak? Dewasa kini, apabila manusia semakin informatif, adakalanya keputusan untuk memberi vaksin kepada anak mereka sukar dibuat oleh ibu bapa. Golongan pro-vaksin ataupun doktor akan mengatakan bahawa vaksin adalah selamat tetapi golongan anti-vaksin mengatakan pula bahawa vaksin merbahaya dan boleh memberi kesan sampingan yang teruk kepada anak-anak mereka (Herlihy & Hagood 2012). Berhadapan dengan percanggahan maklumat, banyak persoalan mula timbul. Mereka tidak mahu anak mereka menghadapi penyakit-penyakit yang serius, tetapi ibu bapa juga berhak mengetahui risiko-risiko dan kesan sampingan vaksin tersebut (Sears 2007: 14). Artikel ini akan cuba menghuraikan beberapa persoalan tentang vaksin dengan mengambil kira pro dan kontra vaksin tersebut supaya ibu bapa dapat membuat keputusan secara ilmiah.

Definisi Vaksin

Menurut World Health Organization (WHO), vaksin adalah persediaan biologi yang meningkatkan imuniti badan manusia kepada penyakit tertentu. Vaksin biasanya mengandungi “agen” yang menyerupai mikroorganisma penyebab penyakit, dan biasanya diperbuat daripada “mikrob”(virus atau bakteria) yang telah dilemahkan mahupun mati atau hasil-hasil permurniannya (protein, peptida, partikel serupa virus dan sebagainya). “Agen” ini akan merangsang sistem imun badan untuk mengenali patogen-patogen asing, memusnahkannya, dan “mengingati”nya, supaya sistem imun dapat mengenali dan memusnahkan mana-mana mikroorganisma yang dijumpai kemudiannya (World Health Organization 2018).

Terdapat pelbagai jenis vaksin di mana setiap satu daripadanya direka untuk melatih sistem imun badan manusia untuk melawan jangkitan kuman tertentu dan penyakit serius yang mungkin terjadi akibat jangkitan kuman tersebut. Terdapat empat kategori utama vaksin, iaitu (U.S Department of Health & Human Services 2018; Herlihy & Hagood 2012):

1. *Live-attenuated* vaksin: Vaksin hidup yang diperbuat daripada bakteria atau virus yang telah dilemahkan dan biasanya digunakan untuk melindungi diri daripada penyakit MMR (measles, mumps, rubella), rotavirus, cacar air, campak dan demam kuning (yellow fever).
2. *Inactivated* vaksin: Vaksin yang diperbuat daripada bakteria atau virus (penyebab penyakit) yang telah dimatikan. Vaksin ini digunakan untuk melindungi diri daripada jangkitan hepatitis A, influenza, polio dan rabies.
3. *Subunit, recombinant, polysaccharide, dan conjugate* vaksin: Vaksin yang diperbuat daripada bahagian tertentu dalam virus atau bakteria dengan melakukan kloning dari gen virus atau bakteria melalui rekombinasi DNA, vaksin vektor virus dan vaksin antiidiotope. Contoh, vaksin hepatitis B, vaksin “hemofilus influenza type b” (Hib) dan vaksin Influenza.
4. Vaksin toksoid: Vaksin yang diperbuat daripada beberapa jenis bakteria yang menimbulkan penyakit dengan memasukkan racun (toxin) yang dilemahkan ke dalam aliran darah. Contoh, vaksin Difteria dan Tetanus.

Melihat kepada jenis-jenis vaksin ini, dapat dilihat bahawa yang dimasukkan ke dalam tubuh badan kita adalah benda-benda yang berbahaya (bakteria, virus, kuman, racun). Adakah vaksin ini sesuai dan selamat untuk tubuh badan manusia yang telah diciptakan oleh Allah dengan sebaik-baiknya. Adakah vaksin ini sebagai faktor kepada pencegah penyakit atau faktor yang menggalakkan penyakit-penyakit lain timbul di dalam badan manusia. Dari titik inilah banyak kekeliruan yang timbul kepada masyarakat khususnya ibu bapa apabila berhadapan dengan situasi vaksin di dunia tanpa sempadan ini. Sebagai contoh, apabila ibu bapa mahu sedikit maklumat tentang vaksin yang diambil, kebiasaannya doktor akan menjawab, “suntikan vaksin adalah selamat dan baik”, “anak puan perlu vaksin, kalau tidak akan terkena penyakit”, tanpa dapat memberi jawapan yang terperinci tentang kebaikan atau kesan sampingan daripada suntikan vaksin tersebut. Di dunia di mana maklumat berada di hujung jari ini, ibu bapa perlu mengambil tahu apa yang dimasukkan ke dalam tubuh badan anak-anak mereka kerana apabila mengetahuinya, mereka akan rasa lebih selamat sama ada mahu menggunakan vaksin atau tidak kepada anak-anak mereka.

Bahan-bahan dalam Vaksin (*Vaccine Ingredient*)

Bahan utama di dalam semua vaksin adalah bahan aktif (*active ingredient*). Bahan inilah yang akan mencabar sistem imunisasi badan manusia untuk menghasilkan antibodi untuk melawan penyakit tertentu. Selain daripada ini, bahan utama vaksin yang lain adalah air. Kebanyakan suntikan vaksin mengandungi 0.5ml cecair, dalam erti kata lain beberapa titik cecair (Herlihy & Hagood 2012). Kedua-dua ini merupakan bahan utama yang digunakan untuk membuat vaksin. Apakah itu bahan aktif? Bahan aktif merupakan “antigens” iaitu penggunaan virus atau bakteria sama ada yang dilemahkan atau dimatikan dalam membuat vaksin tersebut

sebagaimana yang telah disebutkan di dalam jenis-jenis vaksin di atas (Grabenstein 2013). Perbincangan adalah bahan tambahan iaitu bahan-bahan lain yang digunakan dalam vaksin selain daripada air dan “antigens” tersebut (Oxford Vaccine Group 2018).

Masyarakat pasti pernah mendengar yang pengeluar vaksin menggunakan beberapa bahan yang dianggap sebagai “luar biasa” pada pandangan kita sebagai manusia biasa (Stacy & Allison 2012). Merkuri adalah antara bahan yang paling dikritik teruk oleh masyarakat dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan akhirnya tidak lagi digunakan dalam kebanyakan vaksin (Sears 2007: 191). Tetapi pelbagai bahan lain masih lagi menjadi kebimbangan kepada ibu bapa untuk membenarkan vaksin disuntik kepada anak-anak mereka. Antara bahan-bahan tersebut ialah (Sears 2007; Grabenstein 2013):

1. Tisu haiwan dan manusia: Kritikan pertama dalam vaksin ini adalah beberapa vaksin menggunakan tisu manusia dan/atau haiwan dalam proses pembuatannya. Tetapi adakah ini satu masalah yang besar? Adakah terdapat apa-apa masalah dengan menggunakan tisu-tisu ini? Bukan suatu permasalahan tetapi menjadi kebimbangan di mana sebelum ini antara tahun 1955 dan 1963, beberapa sel ginjal monyet (*monkey kidney cells*) yang digunakan untuk suntikan vaksin polio telah dicemari dengan virus SV-40, yang diketahui menyebabkan beberapa jenis tumor otak dan kanser kepada manusia. Pengkritik bimbang pencemaran yang sama bakal berulang akibat daripada penggunaan tisu haiwan dan manusia mungkin melahirkan partikel-partikel jangkitan yang tidak diketahui atau DNA asing di dalam tisu ini mungkin menyebabkan masalah-masalah yang tidak diketahui apabila disuntik. Adakah kita pernah mengetahuinya? Di sini disenaraikan beberapa tisu haiwan dan manusia yang digunakan dalam membuat vaksin (Sears 2007: 191-193):
 - a. Protein dalam darah manusia (*human blood proteins*). Contoh, serum albumin.
 - b. Sel paru-paru manusia (*human lung cells*).
 - c. Sel paru-paru bayi (*human fetal lung cells*).
 - d. Titisian sel manusia (*human cell lines*) – sel-sel ini dibuat dalam makmal daripada sel tunggal dan mempunyai ciri genetik yang uniform (sama – mengikut spesifik sel yang digunakan).
 - e. Serum lembu (*cow serum*).
 - f. Ekstrak jantung-otot lembu (*cow heart-muscle extract*).
 - g. Ekstrak tisu lembu (*cow tissue extract*).
 - h. Sel ginjal monyet (*monkey kidney cells*).
 - i. Sel embrio tikus belanda (*guinea pig embryo cells*).
 - j. Embrio ayam (*chicken embryos*).
 - k. Sel ginjal ayam (*chicken kidney cells*).
 - l. Telur ayam (*chicken eggs*).
2. Aluminium: Aluminium ditambah di dalam vaksin untuk membantunya berkesan dengan lebih baik. Normalnya, tidak ada sesiapa yang mengatakan aluminium merupakan bahan yang bermasalah dalam vaksin. Ia berada di mana-mana dalam persekitaran kita sama ada dalam makanan, air, udara mahupun tanah. Apa yang dikhuatiri di sini ialah berapakah jumlah yang paling selamat untuk suntikan vaksin yang mengandungi aluminium ini.

Menurut Food and Drug Administration (FDA) (2018) di dalam laman webnya www.fda.gov dibawah topik *Aluminum Toxicity*, jumlah aluminium untuk bayi pra-matang dan mana-mana pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang tidak boleh melebihi 10 hingga 25 mikrogram suntikan aluminium dalam satu-satu masa (Food and Drug Administration 2018). Bagaimana pula dengan vaksin? Bagaimana pula dengan bayi atau manusia normal? Adakah tubuh badan kita boleh menerima lebih aluminium dalam satu-satu masa? Had selamat untuk suntikan vaksin yang mengandungi aluminium seperti yang diputuskan oleh FDA adalah 25 mikrogram tetapi di bawah ini akan disenaraikan jumlah aluminium bagi setiap vaksin yang menggunakannya seperti (Sears 2007: 198):

- a. HIB (jenama PedVaxHib sahaja) – 225 mikrogram setiap suntikan.
- b. Pc – 125 mikrogram.
- c. DtaP – bergantung kepada pengeluaran 170 – 625 mikrogram.
- d. Hepatitis B – 250 mikrogram.
- e. Hepatitis A – 250 mikrogram.
- f. HPV – 225 mikrogram.
- g. Pentacel (DtaP, HIB dan polio kombo vaksin) – 330 mikrogram.
- h. Pediarix (DtaP, Hep B dan polio kombo vaksin) – 850 mikrogram.

Melihat kepada kuantiti aluminium yang digunakan dalam vaksin, ia sebenarnya melebihi had selamat seperti yang diputuskan oleh FDA. Sebagai contoh, apabila seorang bayi mendapat suntikan vaksin yang pertama dalam usia 2 bulan, jumlah dos aluminium boleh berbeza-beza daripada 295 mikrogram (jika HIB tiada aluminium dan DtaP jenama aluminium terendah digunakan) kepada 1225 mikrogram jika jenama aluminium paling tinggi digunakan dan vaksin hep B diberi (Sears 2007: 199, Offit & Jew 2003). Satu kuantiti yang tinggi dan menjadi kebimbangan kerana ia jauh melebihi had selamat seperti yang telah ditetapkan. Pandangan penulis berkaitan isu aluminium di dalam vaksin ini melalui beberapa pembacaan, terdapat bukti yang kuat bahawa jumlah aluminium yang tinggi boleh memudaratkan manusia dan sepatutnya dielakkan tetapi tiada bukti yang kukuh mengatakan jumlah aluminium yang tinggi di dalam vaksin boleh mendatangkan kemudatan kepada bayi dan kanak-kanak. Mengapa? Tiada siapa yang pernah mengkajinya untuk memastikan adakah aluminium ini selamat kepada bayi yang normal jika diberi dengan kuantiti yang tinggi.

Persoalannya juga, tergamakkah kita untuk menjadikan bayi sebagai bahan ujikaji untuk memastikan penggunaan aluminium di dalam vaksin ini selamat. Adakah ia patut diberhentikan sebagaimana penggunaan thimerosal (merkuri) atau diteruskan dengan harapan ia selamat? Sekiranya mendatangkan kemudatan, kuantiti aluminium seharusnya dikurangkan di dalam vaksin. Tugas itu bukanlah mudah, tetapi untuk generasi masa hadapan (anak-anak), ia berbaloi untuk dilakukan untuk memastikan tiada kesan yang teruk jika kita memilih untuk memberi vaksin kepada anak-anak kelak.

3. Bahan tambahan kimia lain: Satu kritikan biasa bagi vaksin ini adalah ia banyak mengandungi bahan dan bahan kimia yang 'luar biasa' untuk tubuh badan manusia (Herlihy & Hagood 2012; Sears 2007: 207). Kebanyakan daripada kita sudah pasti merasa

bimbang yang bahan-bahan kimia tidak semuanya selamat apatahlagi jika disuntik ke dalam tubuh badan anak-anak. Berikut merupakan beberapa bahan kimia yang digunakan dalam vaksin (Offit & Jew 2003):

- a. Merkuri (thimerosal): Merkuri, atau thimerosal merupakan topik paling hangat yang pernah dibincangkan di dalam dunia perubatan mahupun politik sejak beberapa tahun yang lalu. Mengapa? Ia pernah dikaitkan dengan isu autism di mana beberapa kajian menunjukkan autism meningkat bermula apabila beberapa vaksin yang mengandungi merkuri meningkat penggunaannya pada awal 1990an dan berkurangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini apabila merkuri mula tidak digunakan di dalam vaksin. Beberapa kajian yang lain pula menunjukkan tiada korelasi antara merkuri di dalam vaksin dengan peningkatan penyakit neurologi seperti autism ini. Kajian yang manakah yang boleh dipercayai? Kita bernasib baik bahawa merkuri tidak lagi digunakan dalam kebanyakan vaksin. Ini kerana sebahagian doktor mengatakan merkuri boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia dan sepatutnya tidak lagi digunakan dalam vaksin walaupun dalam kuantiti yang sedikit (Offit & Jew 2003).
- b. Formaldehid (formaldehyde): Ia hadir di dalam beberapa jenis vaksin dalam kuantiti yang amat sedikit sebagai bahan pengawet. Environmental Protection Agency (EPA), Occupational Safety and Health Administration, Consumer Product Safety Commission dan agensi-agensi lain di luar negara semuanya menyenaraikan formaldehid sebagai *carcinogen* (agen penyebab kanser) dan menyatakan bahawa ia boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang dan penyakit genetik. Kebanyakan kajian mengenai formaldehid, walau bagaimanapun, hanya berkaitan dengan tahap hirupan (*inhaled*) bahan kimia tersebut dan tidak ada sebarang maklumat atau kajian jika ia disuntik ke dalam tubuh badan manusia untuk mengatakan ianya merbahaya atau tidak. Jika disuntik, kuantitinya dalam setiap vaksin amatlah terlalu sedikit (Offit & Jew 2003).
- c. *Polysorbate 80 dan 20*: Ia bertindak sebagai emulsifier/pelincir yang terdapat bukan sahaja di dalam vaksin tetapi di dalam beberapa produk seperti kosmetik dan juga makanan. Ia pernah diuji dan secara umumnya adalah selamat (Sears 2007: 209).
- d. *MSG (monosodium glutamate)*: MSG terdapat dalam beberapa vaksin. Bahan penambah rasa ini yang digunakan dalam pelbagai produk makanan telah menjadi topik perdebatan hangat untuk beberapa tahun. Beberapa kajian menunjukkan MSG dianggap sebagai *excitotoxin* (bahan kimia yang boleh memberi kesan kepada cara otak berfungsi) dan apabila dimakan atau disuntik ke dalam otak haiwan dalam kuantiti yang sangat besar, ia boleh merosakkan tisu saraf dalam corak yang serupa dengan penyakit Alzheimer (penyakit penurunan fungsi saraf otak yang kompleks dan progresif). Walaupun begitu, kuantiti MSG di dalam vaksin dalam lingkungan 0.5mg berbanding dengan jumlah yang dimakan dalam masakan Cina iaitu antara 1000 dan 10,000mg (Herlihy & Hagood 2012).
- e. *EDTA*: Bahan kimia ini digunakan dalam pelbagai produk pengguna. Jumlah yang amat kecil dalam beberapa vaksin boleh diabaikan dan dianggap sebagai tidak memudaratkan (Herlihy & Hagood 2012; Sears 2007: 210).

- f. *2-Phenoxyethanol*: Bahan kimia ini digunakan sebagai bahan pengawet. Pengkaji telah menemui bahawa bahan kimia ini memudaratkan sekiranya diteloh, dihirup atau diserap melalui kulit di mana ia boleh menyebabkan mandul (reproductive defects) dan sangat menjengkelkan kepada mata dan kulit. Walaupun bahan kimia ini nampak agak beracun, kuantitinya dalam vaksin amatlah terlalu sedikit (Herlihy & Hagoood 2012; Sears 2007: 210).
- g. *Sodium borate*: Bahan kimia ini digunakan untuk mengurangkan keasidan di dalam vaksin. Ia dianggap sebagai tidak memudaratkan (Sears 2007: 210).
- h. *Octoxynol*: Bahan kimia ini digunakan sebagai agen pencegah kehamilan (*spermicide*) dalam produk lain. Jumlah yang sangat kecil dalam vaksin dianggap sebagai tidak memudaratkan (Sears 2007: 211).
- i. *Sodium deoxycholate*: Bahan kimia ini sangat memudaratkan jika ditelan, dihirup atau diserap melalui kulit dan boleh memberi kesan kepada mata dan paru-paru. Jumlahnya di dalam vaksin terlalu sedikit (Sears 2007: 211).

Berpandukan kepada bahan-bahan di atas, bagaimanakah pandangan anda terhadap vaksin? Walaupun bahan kimia yang digunakan hanyalah dalam kuantiti yang sedikit, adakah ia sesuai disuntik, sebagai contoh ke dalam tubuh badan bayi yang baru dilahirkan dengan sempurna oleh Allah S.W.T. Persoalan inilah yang menjadi perdebatan hangat sehingga hari ini dalam kalangan ibu bapa berkaitan kesesuaian suntikan vaksin terutamanya kepada bayi mahupun kanak-kanak sama ada ia selamat atau tidak.

Bahan-bahan dalam Vaksin: Pandangan Islam

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit, kecuali Dia juga menurunkan ubatnya (Abdul Aziz 1999; al-Bukhari 2003)”. Ubat merupakan antara sekian banyak rahsia milik Allah S.W.T. Sesiapa yang Allah S.W.T. berikan petunjuk kepadanya, dia amat beruntung baik dari aspek usia, ilmu mahupun hartanya. Sedangkan sesiapa yang tidak memperolehi jalan mencapainya, dia telah kehilangan kebaikan yang banyak (Abdul Rasit 2017: 110).

Bagaimanakah pandangan Islam mengenai vaksin? Adakah ia diizinkan penggunaannya ataupun diharamkan penggunaannya menurut Islam? Perkataan vaksin apatah lagi hukum mengenai vaksin serta bahan-bahannya memang sudah terang lagi bersuluh tidak ada secara jelas di dalam al-Quran mahupun hadith nabi s.a.w. Oleh yang demikian, adakah hukum mengenai penggunaan vaksin ini dibenarkan dengan ‘mudah’ dalam Islam. Walaupun tiada dalil yang jelas menyatakan berkenaan pensyariatan vaksinasi, namun begitu, konteks pendalilan beberapa nas menunjukkan adanya saranan kepada konsep pencegahan menerusi kaedah perubatan kerana kata kunci bagi dunia perubatan adalah ‘mencegah lebih baik daripada merawat’. Antara dalil yang menyokong pencegahan kemudaratkan dan kerosakan adalah berdasarkan hadith nabi s.a.w. yang bermaksud: “Jika kalian mendengar tentang wabak penyakit taun di sesuatu tempat, maka janganlah kalian memasuki tempat tersebut. Sekiranya wabak penyakit tersebut terkena di sesuatu tempat dan kalian sedang berada di tempat itu, maka janganlah kalian keluar dari kawasan tersebut (Abdul Aziz 1999; al-Bukhari 2003)”.

Islam sangat menganjurkan pencegahan sesuatu penyakit menggunakan kaedah perubatan yang halal di sisi Allah S.W.T. dan sama sekali melarang kaedah perubatan yang menggunakan benda yang haram serta memudaratkan sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ummu Darda', daripada Abu Darda', dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah S.W.T. menurunkan penyakit berserta ubatnya dan menciptakan penawar untuk setiap penyakit, maka berubatlah. Tetapi jangan berubat dengan yang haram (Abdul Aziz 1999: 1507)".

Terdapat banyak isu kontroversi apabila kita membaca tentang vaksin sama ada melibatkan bahan yang digunakannya sehinggakan kepada kesan sampingan akibat suntikan daripada vaksin tersebut. Seperti yang anda baca di atas, proses pembuatan vaksin melibatkan penggunaan virus atau bakteria atau kuman dan bahan-bahan kimia luar biasa di mana ianya disuntik ke dalam tubuh badan manusia yang dicipta oleh Allah S.W.T. dengan sebaik-baik kejadian bermula sejak dari bayi lagi. Persoalan yang sering diutarakan oleh masyarakat yang menolak vaksin adalah mengapa bayi yang baru dilahirkan perlu disuntik vaksin? Adakah antibodi semulajadi yang diciptakan oleh Allah S.W.T. tidak mampu untuk melawan penyakit sehinggakan perlu disuntik dengan 'racun' untuk menghindarkan penyakit tersebut? Dalam hal ini, Islam tidak mengambil jalan mudah tetapi selagimana ia berfungsi sebagai pencegahan dan tidak memudaratkan serta tiada dalil yang mengharamkannya, ia masih lagi boleh diterima berdasarkan kaedah fiqh iaitu 'al-aslu fi al-ashya' al-ibahah' iaitu asal segala sesuatu yang diciptakan oleh Allah adalah 'halal' dan boleh dipakai melainkan jika ada nas yang sahih dan jelas daripada syariat yang menetapkan pengharamannya. Daripada Salman al-Farisi, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Yang halal itu ialah sesuatu yang diharamkan Allah di dalam KitabNya, dan yang haram pula ialah sesuatu yang diharamkan Allah di dalam KitabNya. Dan mana-mana yang didiamkanNya sahaja, maka itu termasuk apa yang dimaafkan buat kamu (Abdul Aziz 1999: 2680)". Rasulullah s.a.w. bersabda lagi yang bermaksud:

"Yang halal itu sudah jelas, dan yang haram pun sudah jelas. Dan di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang masih samar-samar, tidak ramai orang yang mengetahuinya, adakah ia dari yang halal ataupun ia dari yang haram? Maka barangsiapa yang meninggalkan yang syubhat itu kerana hendak membersihkan agamanya dan kehormatannya, maka selamatlah ia. Dan barangsiapa yang mengerjakan sesuatu dari yang samar-samar itu, maka akan hampir-hampir ia terjatuh ke dalam yang haram. Sebagaimana orang yang mengembala (binatang ternakan) di tempat larangan, dia mungkin akan terjerumus ke dalamnya. Ingatlah, bahawa bagi setiap raja ada tempat larangannya, dan bahawa tempat larangan Allah adalah semua perkara yang diharamkanNya (Abdul Aziz 1999; al-Bukhari 2003)".

Terdapat juga kaedah-kaedah fiqh lain yang boleh digunapakai antaranya ialah 'la darar wa la dirar' iaitu bermaksud tidak dibenarkan melakukan kemudaratan dan membalas sesuatu dengan kemudaratan. Secara tidak langsung, kaedah yang digariskan dalam Islam ini menyeru manusia agar menjauhi segala perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan termasuklah penyakit yang dicegah oleh vaksin ini (Tengku Fatimah Azzahra & Mohd Anuar 2017; al-Qardhawi 2004). Penyakit tersebut merupakan salah satu kemudaratan yang perlu dihindari dan antara langkahnya adalah melalui pencegahan awal menerusi suntikan vaksin (Tengku Fatimah

Azzahra & Mohd Anuar 2017; Azizi 2017). Isunya di sini ialah sekiranya bahan-bahan di dalam vaksin turut memudaratkan mereka yang mengambilnya. Tetapi banyak kajian telah dilakukan yang menunjukkan bahan-bahan kimia yang digunakan dalam vaksin adalah selamat dan tiada kesan sampingan yang teruk. Sekiranya ragu-ragu, banyakkannya membaca dan mengkaji agar keputusan yang dibuat sesuai untuk anak-anak kelak.

Perlukah vaksin di'wajib'kan kepada masyarakat. Sebagai contoh, di dua negeri di Amerika Syarikat, di mana ibu bapa yang menolak vaksinasi, anak mereka boleh diambil oleh pihak yang berautoriti (Sears 2007: 13). Ini boleh berlaku di mana-mana sahaja jika vaksinasi diwajibkan. Tidak mustahil. Oleh itu, pada pandangan penulis tidak perlu kerana di dunia ini terdapat banyak kaedah perubatan yang dianjurkan oleh Islam seperti *Tib al-Nabawi*, *homeopathy* dan sebagainya yang boleh digunakan sebagai alternatif dalam mencegah penyakit ini. Persoalan yang timbul adalah mengapa umat Islam sendiri khususnya sukar untuk mengamalkan perubatan nabi sendiri sehinggakan terpaksa bergantung kepada vaksin. Tidak salah hendak mengambil vaksin tetapi jika kita membaca keajaiban perubatan nabi Muhammad s.a.w., ia merupakan kaedah terbaik dalam mencegah pelbagai penyakit dengan hanya menggunakan bahan-bahan semulajadi (Abdul Rasit 2017: 87; Danial 2015: 202-203). Ia merupakan terapi yang paling selamat di mana Islam menekankan penjagaan 2 aspek dalam pemakanan iaitu halal dan berkhasiat. Firman Allah S.W.T. di dalam Surah al-Baqarah, ayat 168, yang bermaksud: "Wahai manusia, makanlah apa-apa yang di atas muka bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan merupakan musuh yang nyata bagimu".

Adakah ini merupakan cabaran kepada kita sebagai umat Islam? Tidak dapat dinafikan, makanan yang halal sangat mudah diperolehi tetapi bagaimana pula makanan yang tayyiban (lagi baik), ia juga sangat mudah diperolehi cuma amat sukar sekali untuk dimakan secara kerap oleh masyarakat. Mengapa? "Pahitla", "macam takde rasa apa-apa pun", "ish, tak sedapla" adalah merupakan perkataan yang sering dikaitkan kepada makanan tayyiban ataupun makanan sunnah apabila kita cuba memakannya. Penyakit bukan sahaja datang daripada kanak-kanak yang tidak divaksin, tetapi ia juga boleh datang daripada 'perut' iaitu makanan yang dimakan (Nurdeng 2009). Nabi s.a.w. telah menyebutkan: "Perut itu adalah rumah penyakit dan banyak makan itu punca segala penyakit (Abdul Aziz 1999: 672)".

Dalam Islam, bersesuaian dengan konsep maqasid syariah iaitu mewujudkan kebaikan (masalah), menolak keburukan dan menghilangkan kemudaratatan (mafsadah) (al-Qardhawi 2004; Azizi 2017), Islam tidak melarang penggunaan vaksin selagi ia tidak mendatangkan kemudaratatan kepada diri tetapi Islam juga tidak melarang jikalau kita menolak vaksin dengan menggunakan perubatan lain sebagai alternatif asalkan ia tidak membawa kemudaratatan kepada diri dan juga masyarakat umumnya. Perlukah kita menyalahkan bayi atau kanak-kanak yang tidak diberi vaksin atau ibu bapa yang tidak memvaksin anak mereka sebagai penyebab kepada penyakit yang timbul dalam sesebuah masyarakat. Perlu diingatkan bahawa penyakit itu datang daripada Allah S.W.T. dan ubatnya juga datang daripada Allah S.W.T. Setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah kepada manusia merupakan ujian untuk menentukan bagaimana sikap manusia dalam menangani penyakit tersebut. Adakah kita menuding jari menyalahkan orang lain ataupun adakah ia sebagai kafarah (penghapus) dosa-dosa yang kita lakukan sebelum ini.

Kesimpulan

Tuntasnya, vaksinasi merupakan salah satu usaha pencegahan yang boleh diambil oleh masyarakat dalam menangani penyakit tertentu. Tetapi sebagai ibu bapa, amat wajar juga mereka mengambil tahu apakah bahan-bahan yang disuntik ke dalam anak-anak mereka. Tidak dapat dinafikan, bahan-bahan yang digunakan di dalam vaksin merupakan bahan-bahan yang di luar pengetahuan manusia biasa dan adakalanya boleh menimbulkan keraguan kepada ibu bapa tentang tahap keselamatan bahan tersebut. Walaupun begitu, banyak kajian telah dijalankan untuk memastikan bahan yang digunakan dalam vaksin adalah selamat dan tidak lari daripada kaedah-kaedah yang digariskan oleh Islam dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Rujukan

- Abdul Aziz, Soleh. 1999. Kutub al-Sittah. al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abdul Rasit Abdurrasyadi. 2017. *The Prophetic Medicine: Keajaiban Perubatan Nabi Muhammad SAW*. Terj. Muhammad Harun Zein. Puchong: Pustaka Ibnu Katsir Sdn. Bhd.
- Azizi Ayob. 2017. *Vaksin*. Batu Caves: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad Isma'il. 2003. *Sahih al-Bukhari*. al-Qahirah: Maktabat al-Saffa.
- Danial Zainal Abidin. 2015. *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Food and Drug Administration. 2018. Aluminum toxicity. www.fda.gov.html [13 February 2018].
- Grabenstein, J.D. 2013. *ImmunoFacts: Vaccines and Immunologic Drugs*. Saint Louis: Wolters Kluwer Health.
- Nurdeng, D. 2009. Lawful and unlawful foods in Islamic law focus on Islamic medical and ethical aspects. *International Food Research Journal* 16: 469-478.
- Offit, P.A. & Jew, R.K. 2003. Addressing parents' concern: Do vaccines contain harmful preservatives, adjuvants, additives, or residuals?. *Pediatrics*. 112(6): 1394-1401.
- Oxford Vaccine Group. 2018. Vaccine ingredients. www.vk.ovg.ox.ac.uk.html [13 Februari 2018].
- Sears, R.W. 2007. *The Vaccine Book: Making the Right Decision for Your Child*. New York: Little, Brown and Company.
- Herlihy, S.M. & Hagood, E.A. 2012. *Your Baby's Best Shot: Why Vaccines are Safe and Safe Lives*. Maryland: Rowman & Littlefield.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2004. *Halal dan Haram dalam Islam*. Terj. Semait, Syed Ahmad). Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.
- Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi & Mohd Anuar Ramli. 2017. Penetapan keperluan vaksinasi terhadap kanak-kanak oleh pemerintah menurut perspektif syarak. *Proceedings of the International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC 2017)*, pp.1-16.
- U.S Department of Health & Human Services. 2018. Vaccine basics: Vaccine types. www.vaccines.gov/basics/types/index.html [13 February 2018]
- World Health Organization. 2018. Health topics: Vaccine. www.who.int/topics/vaccines/en.html [12 February 2018].